

31 DEC 1996

Tahun Baru-Perutusan

1997 MENJANJIKAN TAHUN YANG LEBIH BAIK, KATA PEMIMPIN BN

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Beberapa pemimpin Barisan Nasional (BN) berkata 1997 akan menjadi tahun yang menjanjikan pembangunan negara yang berterusan baik dengan semua lapisan rakyat harus bersikap positif dan bersedia menerima cabaran masa kini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata rakyat perlu terus bersikap positif dan berwaspada terhadap sebarang usaha yang mungkin menjadi penghalang kepada pembangunan negara dan menjejaskan kestabilan politik negara.

Dalam perutusan Tahun Barunya, beliau berkata sebagai parti komponen BN, MCA akan terus memainkan peranannya dalam kerajaan dan pembangunan negara terutama mendorong kerjasama lebih erat antara kaum Cina dan kaum lain dalam bidang yang boleh memberi faedah kepada rakyat.

"MCA juga berazam membantu negara melatih lebih ramai sumber manusia yang berkualiti dan berdaya saing. Justeru itu, MCA akan memberi penekanan dalam pendidikan terutamanya melalui projek pembangunan kolej Tunku Abdul Rahman supaya dapat menyumbang bersama-sama untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan negara," katanya.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata perpaduan dan kerjasama antara kaum perlu ditingkatkan supaya dapat menggembungkan tenaga dan kebijaksanaan untuk mengatasi segala masalah dan cabaran.

Beliau berkata dasar bijak dan liberal yang dilaksanakan kerajaan telah membawa negara ke satu tahap pembangunan yang membanggakan.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu, dalam perutusan Tahun Barunya pula menggesa rakyat Malaysia terutama kaum India supaya bersedia menghadapi cabaran era teknologi maklumat (IT).

Sambil berkata bahawa 1997 menjanjikan tahun yang lebih baik, beliau berkata mereka harus berusaha lebih gigih untuk menjadi anggota masyarakat yang dinamik dan kreatif ke arah masa depan yang lebih baik.

Menteri Kerjaraya itu berkata mereka harus mampu menempatkan diri dalam masyarakat Malaysia pada tahun 2020.

"Dalam era IT, kaum India Malaysia tidak boleh seperti dahulu -- menjadi masyarakat pekerja manual. IT akan mengawal semuanya dan membentuk masa depan kita," katanya.

Samy Vellu berkata negara kini berada di kemuncak abad baru yang menarik dan penuh dengan perubahan dan cabaran.

Malaysia, katanya, sedang bergerak menjadi negara yang berkuasa dalam ekonomi dan sangat moden di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula menyarankan rakyat Malaysia supaya menggandakan usaha mereka jika mahukan kejayaan ekonomi negara berkekalan pada masa depan.

"Kita perlu bekerja, melatih dan menabung dengan lebih banyak. Kita perlu terus mengekalkan tahap disiplin, kejujuran dan komitmen yang lebih tinggi di tempat kerja kita," katanya dalam perutusan Tahun Barunya.

Menteri Perusahaan Utama itu berkata rakyat Malaysia harus bersikap lebih inovatif, kreatif, fleksibel dan boleh disesuaikan selaras dengan keperluan era serba membangun ini.

Dr Lim berkata 1996 menjadi satu lagi tahun gemilang bagi Malaysia dan rakyatnya dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ialah 8.2 peratus tahun ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat bahawa "kejayaan tidak datang

dengan mudah dan adalah sukar untuk mengekalkan kejayaan." -- BERNAMA  
HAK ES NAK